

PERMUKAAN BULAN



Permukaan Bulan yang menghadap Bumi mengandungi lebih 300,000 kawah dengan diameter lebih dari 1 km.

Ciri-ciri permukaan Bulan yang boleh dilihat ialah Maria (laut), kawah-kawah dan gunung-ganang. Kawah adalah satu kawasan lekuk akibat hentaman dengan kedalaman yang tertentu sehingga beribu meter.

Maria adalah satu kawasan yang besar dan luas, gelap dan datarannya terdiri daripada basal gunung berapi.


Permukaan Bulan dilitupi sebanyak 35% oleh Maria.

CIRI-CIRI PERMUKAAN BULAN




MARIA TRANQUILLITATIS

Tempat pendaratan manusia pertama di Bulan. Permukaan sekata yang dipenuhi oleh lava.




MARIA CRISIUM

Diameter 550 km dan boleh dilihat dengan mata kasar dari bumi.



TYCHO

Kawah yang berusia 108 juta tahun yang terbentuk akibat hentaman meteorit.




GRIMALDI

Diameter 233 km merupakan kawah paling gelap di Bulan yang dapat dilihat.



MARIA SERENITATIS

Diameter 610 km dan terdiri daripada lava pepejal.



COPERNICUS

Kawah yang berbentuk heksagon dan boleh dilihat menggunakan binokular.



جهاز الشؤون الإسلامية
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

INFO BULAN

BAHAGIAN FALAK SYARIE
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA,
ARAS 2 & 3, IMARAH A, PUSAT ISLAM MELAKA,
JALAN BUKIT PALAH, 75400 MELAKA

TEL: 06-2847920/21 FAKS: 06-2848144
WEBSITE: muftimelaka.gov.my
EMAIL: jkmmufti@gmail.com


PENGENALAN

Penciptaan alam cakerawala ini adalah salah satu bukti kebesaran dan kekuasaan penciptaan, Allah yang tidak dapat dinafikan.

Penciptaan Bulan, Matahari, bintang serta fenomena yang berlaku di alam cakerawala ini menjadi petunjuk kepada kekuasaan Maha Pencipta-Nya menjadi tunjak dan bukti adanya kewujudan Tuhan Yang Maha Esa

BULAN

Bulan adalah satu-satunya satelit semulajadi bagi planet Bumi. Bulan adalah sebuah jasad samawi yang berada dekat dengan Bumi.



Bulan berada pada jarak 384,000 km dari Bumi dan mempunyai diameter 3,476 km.

Jisim dan graviti Bulan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan Bumi. Jisim (Berat) Bulan adalah 1/81 dari jisim Bumi.

AL QURAN DAN BULAN



"Dan Ia menjadikan padanya Bulan sebagai cahaya serta menjadikan Matahari sebagai lampu (yang terang-benderang)"

(Nuh : 16)

Objek samawi adalah segala ciptaan Allah SWT yang berada di langit atau ruang angkasa alam semesta seperti matahari, bulan, bintang, planet dan galaksi. Penciptaan ini dinyatakan dalam Al-Quran sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

"Maha suci Allah yang menjadikan di langit gugusan bintang-bintang, dan Dia menjadikan padanya matahari bercahaya serta bulan yang menerangi"

(Al-Furqan : 61)

"Dan Dia-lah yang telah menciptakan malam dan siang Matahari dan Bulan. Masing-masing dari keduanya beredar di dalam garis edarnya."

(Al-Anbiya' : 33)




ORBIT BULAN

Bulan bergerak mengelilingi Bumi di dalam orbitnya dalam masa 27.3 hari bagi satu pusingan lengkap. Bulan Juga berputar di atas paksinya dan mengambil masa yang sama seperti Bulan beredar mengelilingi Bumi bagi satu pusingan lengkap.

Oleh itu, manusia di Bumi hanya dapat melihat permukaan Bulan yang sama menghadap ke Bumi kerana tempoh Bulan berputar di atas paksinya sama dengan tempoh edaran Bulan mengelilingi bumi. Jarak Bumi dan Bulan berubah-ubah disebabkan orbitnya adalah berbentuk elips.

Jarak berubah di antara perigee (paling dekat) 356,375 km manakala apogee (paling jauh) 406,720 km.



"(Dengan ketentuan yang demikian). matahari tidak mudah baginya mengejar Bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat masing-masing."

(Yasin : 40)